

ERRATA

Tajuk : Praktis Topikal Bahasa Melayu Tahun 3

Kod Buku : TYC253010

Penulis : Alfian Mansor

Muka Surat	Bab / Unit	Kesalahan	Pembetulan
Inside Front Cover	Kandungan	Kertas Model Pra-UPSR	Kertas Model
53	Kertas Model	Main Heading • Kertas Model Pra-UPSR	Main Heading • Kertas Model
54 - 64	Kertas Model	Running Head • Bahasa Melayu Tahun 3 <i>Kertas Model Pra-UPSR</i>	Running Head • Bahasa Melayu Tahun 3 <i>Kertas Model</i>
65	Jawapan	Tema 1: Keluarga Bahagia Pemahaman – Bahagin A • A – soalan nombor 5 (Jawapan B)	Tema 1: Keluarga Bahagia Pemahaman – Bahagin A • A – soalan nombor 5 (Jawapan C)
66 - 70, 72	Jawapan	Running Head • Praktis Topikal UPSR Bahasa Melayu Tahun 3 <i>Jawapan</i>	Running Head • Praktis Topikal Bahasa Melayu Tahun 3 <i>Jawapan</i>
71	Jawapan	Running Head • Praktis Topikal UPSR Bahasa Melayu Tahun 3 <i>Jawapan</i> Kertas Model Pra-UPSR	Running Head • Praktis Topikal Bahasa Melayu Tahun 3 <i>Jawapan</i> Kertas Model



PEMAHAMAN - BAHAGIAN A

16

Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "Ayah, bolehkah _____ bermain di padang permainan?" tanya Aiman dan Adib.
 - A kalian
 - B kita
 - C kami
 - D saya
2. "_____, cantiknya rumah kamu, Mei Yun" kata Adlina.
 - A Wah
 - B Hai
 - C Aduhai
 - D Nah
3. Encik Rahim selalu _____ orang yang berada dalam kesusahan.
 - A membasuh
 - B mengawal
 - C meminta
 - D membantu
4. Ibu sedang _____ juadah makan tengah hari untuk kami.
 - A membiarkan
 - B melakukan
 - C menyediakan
 - D melalaikan
5. Ibu sangat _____ apabila adik memecahkan pasu kesayangannya.
 - A marah
 - B gembira
 - C bahagia
 - D rajin

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Bala dan kawan-kawannya sedang bermain bola _____ padang.
 - A kepada
 - B di
 - C ke
 - D daripada

7. _____ itu sedang membuat pengumuman.
- A Juruacara
 - B Juruwang
 - C Jururawat
 - D Jurulatih
8. _____ yang dijual di gerai Mak Siti enak-enak belaka.
- A Gunung-ganang
 - B Bukit-bukau
 - C Kuih-muih
 - D Semak-samun

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.
Pilih penjodoh bilangan yang sesuai.



9. Ibu membawa _____ bakul rotan semasa hendak ke pasar tani.
- A sebiji
 - B sekaki
 - C sebuah
 - D seikat

10. Danish dan keluarganya bercuti ke Langkawi.

Pilih simpulan bahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A baik hati
- B ambil tahu
- C mulut murai
- D makan angin

Soalan II berdasarkan gambar di bawah.



- II. Wanita itu sangat baik dan lemah lembut.

Pilih perkataan sinonim bagi baik.

- A cantik
- B hodoh
- C bagus
- D buruk

12. Hubungan Laili dan Hanim sangat akrab.

Pilih perkataan **antonim** bagi akrab.

- A kosong
 - B padat
 - C erat
 - D renggang
13. *Pilih ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.*
- Ayah saya bekerja sebagai seorang pegawai polis.
- A Di manakah pejabat ayah awak?
 - B Bagaimanakah ayah awak pergi ke tempat kerja?
 - C Mengapakah ayah awak bekerja?
 - D Apakah pekerjaan ayah awak?
14. *Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*
- “Tolong kemas bilik kamu yang bersepah itu, Damian,” kata ibu.
- A Damian menyuruh ibunya mengemas bilik yang bersepah itu.
 - B Ibu meminta Damian mengemas biliknya yang bersepah itu.
 - C Damian dan ibunya mengemas bilik yang bersepah itu.
 - D Ibunya membantu Damian mengemaskan bilik yang bersepah itu.

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat yang betul.

- 15.
 - A Jangan bermain di tepi jalan raya.
 - B Harap tolong kamu semua dapat bersabar.
 - C Sila harap duduk di tempat masing-masing.
 - D Jangan sila berdiri di hadapan pintu bas.
- 16.
 - A Pelancong itu berasal daripada luar negara.
 - B Puan Ayu memberikan sebahagian kek itu kepada jirannya.
 - C Yani hendak di perpustakaan untuk meminjam buku cerita.
 - D Razak menghadiri temuduga ke sebuah syarikat yang terkemuka.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

4

Kebersihan ialah asas kesihatan. Kebersihan mencerminkan keperibadian hidup kita. Kebersihan diri melibatkan penjagaan dan kebersihan tempat tinggal, pakaian serta persekitaran.

Pelbagai kempen dan program kebersihan telah diadakan oleh pihak kerajaan bagi menyedarkan rakyat tentang pentingnya menjaga kebersihan. Justeru, sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita patut menyokong dan membantu kerajaan menjayakan kempen tersebut. Kita perlulah sama-sama melibatkan diri dengan program-program yang diadakan.

Persekitaran yang kotor boleh mendatangkan pelbagai penyakit. Penyakit pula *mudah* merebak dan berjangkit jika kita tidak menjaga kebersihan. Oleh sebab itu, kita perlu sentiasa menjaga kebersihan tempat tinggal dan persekitaran agar kita dapat menghirup udara yang segar dan hidup dengan selesa. Kebersihan menjamin kesihatan yang baik. Kesihatan yang baik pula akan menjamin kesejahteraan hidup kita.


17. Kebersihan ialah
- A penting dalam kehidupan.
 - B asas perpaduan.
 - C asas kesihatan.
 - D faktor kebahagiaan.
18. Apakah tujuan kempen dan program kebersihan yang diadakan oleh kerajaan?
- A Mengajak masyarakat melakukan kebaikan
 - B Memastikan masyarakat dapat hidup selesa
 - C Memupuk semangat kerjasama
 - D Menyedarkan rakyat tentang pentingnya menjaga kebersihan
19. Pilih pernyataan yang betul.
- A Persekitaran yang kotor boleh mendatangkan pelbagai penyakit
 - B Kita tidak perlu menjaga kebersihan
 - C Kekotoran menjamin kesihatan yang baik
 - D Kita mestilah membuang sampah merata-rata tempat
20. Perkataan *mudah* dalam petikan sesuai digantikan dengan
- A hilang.
 - B susah.
 - C senang.
 - D nyaman.

**PEMAHAMAN - BAHAGIAN B**

30

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.



Cuti sekolah yang lalu, ayah membawa kami sekeluarga melawat _____ Muzium Negara di Kuala Lumpur. Tiba di sana, kami melihat kenderaan lama _____ dipamerkan di hadapan muzium. Kami sempat bergambar di hadapan kenderaan lama tersebut. Saya juga tidak melepaskan peluang untuk bergambar _____ sisi kereta api dan kereta lembu sebagai kenangan.

Di dalam muzium, kami melihat pameran senjata lama _____ pakaian tradisional rakyat Malaysia. Kami sungguh kagum melihat kesenian istiadat perkahwinan pelbagai kaum di Malaysia. Setelah puas berjalan, kami minum di gerai yang berdekatan. Kami merasai kuih-muih tradisional yang dijual di situ. Kami berasa sangat gembira _____ dapat bercuti di tempat yang menarik di Malaysia ini.

[10 markah]

Soalan 22

(a) *Tandakan (✓) bagi ayat yang betul dan (X) bagi ayat yang salah.*

(i) Adham dan adiknya seronok dapat berkelah di tepi pantai.


(ii) Firas pancing sambil berbual-bual dengan datuknya.

(iii) Varuni menyertai lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur.

(iv) Ravin tunggu ayahnya di pondok pengawal.

[4 markah]

(b) *Nyatakan satu simpulan bahasa yang sesuai berdasarkan gambar dan pernyataan di bawah.*



Aina sekeluarga makan buah tembikai dan epal sebagai _____ selepas makan tengah hari.

[4 markah]

Soalan 23


(a) *Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.*

Encik Amir : _____
_____ ?

Nazieha : Kita perlu memandu dengan berhemah agar selamat sampai ke destinasi.

[2 markah]

(b) *Teliti maklumat di bawah, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.*



LATIHAN KEBAKARAN

Murid-murid dikehendaki peka dengan bunyi loceng kecemasan yang akan berbunyi pada bila-bila masa. Tindakan yang perlu dilakukan:


- ① Murid-murid haruslah bersedia
- ② Gunakan laluan yang telah ditetapkan
- ③ Berkumpul di kawasan lapang mengikut arahan

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh murid-murid semasa latihan kebakaran?

[4 markah]

Soalan 24

Teliti peta di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



(a) Nyatakan dua kemudahan yang terdapat di kawasan tersebut

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

(b) Di manakah letaknya Kampung Berlian?


[4 markah]



PENULISAN - BAHAGIAN A



Gambar di bawah menunjukkan suasana di sebuah kedai makan.
Tulis lima ayat yang lengkap tentang suasana tersebut.



1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____

PENULISAN - BAHAGIAN B

15

Gambar di bawah menunjukkan kebaikan bersenam.


Tulis ulasan tentang gambar tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.

Menjihatkan tubuh badan




Mengawal berat badan



Kebaikan Bersenam



Otak akan menjadi cerdas




Boleh menghilangkan tekanan

Bersenam merupakan aktiviti fizikal yang mengeluarkan peluh. Banyak kebaikan diperoleh apabila kita bersenam. Antaranya ialah dapat ① _____
_____. Selain itu, bersenam dapat ② _____ dan mengelakkan masalah obesiti. Hal ini kerana apabila berat badan kita berlebihan, kita mudah mendapat penyakit berbahaya. Seterusnya, ③ _____
_____ apabila bersenam. Murid-murid digalakkan bersenam kerana apabila badan cergas, otak juga mudah untuk menerima pelajaran. Akhir sekali, bersenam ④ _____
_____. Kesimpulannya, kita mestilah bersenam untuk ⑤ _____
_____.

 **PENULISAN - BAHAGIAN C**

25

Lengkapkan karangan berdasarkan gambar dan kerangka karangan.

**Pendahuluan**

- ➔ berjalan kaki – dari kedai – ternampak kepulan asap

Isi-isi Penting

- ➔ menghubungi pihak bomba
- ➔ meminta tolong
- ➔ orang ramai cuba memadam kebakaran
- ➔ menanggung kerugian

Penutup

- ➔ tuan rumah mengucapkan terima kasih

JAWAPAN

TEMA 1 Keluarga Bahagiam.s. 1

PEMAHAMAN - BAHAGIAN A

- A
1. D
 2. A
 3. B
 4. D
 5. C

- B
1. B
 2. A
 3. D

PEMAHAMAN - BAHAGIAN B

A Umar, Hotel, Kuala Pilah, Buku

- B
1. cahaya mata
 2. ada bakat
 3. makan angin
 4. besar hati

PENULISAN - BAHAGIAN A

- A
1. Nenek menjahit baju dengan kemas.
 2. Datuk duduk di kerusi malas sambil membaca surat khabar.
 3. Ayah dan adik sedang menonton rancangan di televisyen.
 4. Kakak sedang membaca buku dengan khusyuk.

5. Ibu menatang dulang yang berisi air dan beberapa biji cawan.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

- B
1. Ibu menghulurkan sepinggan mi goreng kepada ayah.
 2. Datuk dan nenek menikmati hidangan yang telah disediakan.
 3. Adik dan kakak sedang membina istana pasir dengan gembira.
 4. Abang membuang sampah ke dalam tong sampah.
 5. Ramai pengunjung sedang bermandi-manda.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

TEMA 2 Hidup Sejahtera m.s. 7

PEMAHAMAN - BAHAGIAN A

- A
1. B
 2. A
 3. B
 4. C
 5. A

PEMAHAMAN - BAHAGIAN B

- A
- (i) ✓
 - (ii) X
 - (iii) ✓
 - (iv) X



- B** (i) tinggi
(ii) panjang
(iii) jauh
(iv) dekat
(v) rapat
(vi) tebal

- C** 1. nyaman
2. sejuk
3. Lazat
4. halus
5. nyaring

 **PENULISAN - BAHAGIAN A**

1. Seorang lelaki sedang menjual ais krim.
2. Dua orang budak lelaki sedang membuang sampah ke dalam tong sampah.
3. Pak Cik Ridwan sedang membaca surat khabar.
4. Dua orang pengunjung sedang berjoging mengelilingi taman.
5. Seorang wanita sedang mendorong anaknya di dalam kereta sorong.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

 **PENULISAN - BAHAGIAN B**

1. ... 5 April 202_
2. ... 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari
3. ... Dewan Komuniti Taman Dahlia
4. ... menanam pokok bunga, membersihkan longkang, mengumpulkan sampah, kitar semula dan jamuan.

TEMA 3  **Peka Keselamatan**m.s. 13

 **PEMAHAMAN - BAHAGIAN A**

- A** 1. D
2. C
3. D
4. A
5. D
6. B
7. A
8. C

 **PEMAHAMAN - BAHAGIAN B**

- A** (ii) di
(iii) dari
(iv) untuk
- B** Apakah maksud tanda palang pada gambar itu
- C** (i) ✗
(ii) ✓
(iii) ✓
(iv) ✗
- D** belakang, sudut, tepi

 **PENULISAN - BAHAGIAN B**

1. ... jangan menggunakan telefon bimbit ketika memandu
2. ... pakai tali pinggang keselamatan
3. ... memandu tidak melebihi had laju yang ditetapkan

 **PENULISAN - BAHAGIAN C**

1. Ah Fatt segera menghubungi pihak bomba. Aku pula menjerit meminta tolong daripada orang kampung.
2. Encik Raju mengucapkan terima kasih kepada aku dan Ah Fatt kerana bertindak dengan pantas. Kami berasa sangat gembira kerana dapat membantunya.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

TEMA 4  **Sehati Sejiwa**m.s. 19

 **PEMAHAMAN - BAHAGIAN A**

- A**
1. D
 2. A
 3. A
 4. C
 5. A
 6. D
 7. A
 8. C
 9. A
 10. B

 **PEMAHAMAN - BAHAGIAN B**

- A**
- (i) tidak
 - (ii) tidak
 - (iii) bukan
 - (iv) bukan

- B**
- (i) ✓
 - (ii) ✗
 - (iii) ✓
 - (iv) ✗

- C**
- (i) jam tangan
 - (ii) meja makan
 - (iii) pembesar suara
 - (iv) buku latihan
 - (v) bola sepak

 **PENULISAN - BAHAGIAN A**

1. Encik Aidil mencantas semak samun.
2. Encik Julian membantu Encik Damian membersihkan longkang yang tersumbat.
3. Puan Hanis dan Puan Jenny menanam pokok bunga.
4. Puan Bienda menyapu sampah, manakala Encik Ranjit membakar sampah.
5. Puan Erni membantu Puan Cindy menyediakan makanan.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

 **PENULISAN - BAHAGIAN B**

1. ... 13 Jun 202_
2. ... 1.30 petang hingga 5.00 petang
3. ... Dewan Utama Taman Mahkota
4. ... pertandingan menyanyi lagu raya dan menganyam ketupat, jamuan serta cabutan bertuah

TEMA 5  **Hargai Seni Budaya**m.s. 25

 **PEMAHAMAN - BAHAGIAN A**

- A**
1. A
 2. C
 3. B
 4. D



- B**
1. D
 2. B
 3. C
 4. A
 5. D
 6. C

 **PEMAHAMAN - BAHAGIAN B**

- A**
- (ii) rempah-ratus
 - (iii) warna-warni
 - (iv) lauk-pauk
- B** Apakah pakaian tradisional wanita berbangsa India
- C**
- (i) Wah
 - (ii) Aduh
 - (iii) Eh
 - (iv) Amboi
- D**
- (i) Jangan sentuh perhiasan yang dipamerkan.
 - (ii) Minta perhatian murid-murid.
 - (iii) Silalah nikmati juadah yang disediakan.

 **PENULISAN - BAHAGIAN A**

1. Sepasang pengantin sedang bersanding di atas pelamin.
2. Beberapa orang lelaki sedang membuat persembahan silat.
3. Ramai tetamu yang hadir sedang menjamu selera.
4. Para tetamu bersalaman dengan tuan rumah.
5. Beberapa orang tetamu datang membawa hadiah.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

 **PENULISAN - BAHAGIAN C**

Masyarakat Malaysia mempunyai seni warisan yang unik dan sangat bernilai. Seni warisan yang hampir luput ini harus diperkenalkan kepada generasi muda.

Antara cara memperkenalkan seni warisan ialah dengan mengadakan pertandingan kesenian. Contohnya, pertandingan bermain gasing yang dapat mencungkil bakat seni generasi muda.

Seterusnya, mengadakan pameran dengan lebih meluas. Secara tidak langsung, generasi muda akan lebih terdedah dengan ilmu pengetahuan tentang seni warisan budaya yang pelbagai.

Akhir sekali, hebahan di media elektronik dan media cetak. Contohnya, mengadakan rancangan khas di televisyen yang memaparkan info menarik tentang seni warisan negara.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai cara untuk memperkenalkan seni warisan budaya.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

TEMA  **6 Sayangi Bumi**m.s. 31

 **PEMAHAMAN - BAHAGIAN A**

1. C
2. A
3. D
4. C
5. A
6. C
7. B
8. D
9. B
10. A

 PEMAHAMAN - BAHAGIAN B

- A** (i) ✓
 (ii) ✗
 (iii) ✓
 (iv) ✓
 (v) ✗

B Menanam pokok mempunyai faedah?

- C** (ii) kepada
 (iii) ke
 (iv) daripada

 PENULISAN - BAHAGIAN A

- Mimi membantu Cikgu Anne menanam pokok bunga di taman bunga sekolah.
- Raju dan Bala mengangkat meja yang telah rosak untuk dibaiki oleh Cikgu Izham.
- Cikgu Imran, Lim dan Ranjit mewarnakan mural yang telah dilakar dengan tekun.
- Ah Meng dan Ranjit sedang memasukkan tinton dan botol-botol kosong ke dalam plastik.
- Ah Kim dan Fawwaz sedang membersihkan kolam ikan tidak jauh dari kelas mereka.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

 PENULISAN - BAHAGIAN B

- ... barang-barang yang boleh dikitar semula seperti botol, tin minuman, surat khabar, majalah dan sebagainya
- ... 6 hingga 7 April 202_
- ... Dewan Bestari, SJKC Puncak Perdana
- ... memupuk amalan mengitar semula bahan-bahan terbuang dan menyimpan dana untuk badan kebajikan sekolah

TEMA  **Pertanian dan Penternakan** m.s. 37

 PEMAHAMAN - BAHAGIAN A

- A** 1. D
 2. A
 3. B
 4. C
 5. C
 6. D
 7. B
 8. D
 9. B
 10. A

 PEMAHAMAN - BAHAGIAN B

- A** (ii) bina
 (iii) tanam
 (iv) minum

B susu segar, kedai runcit, pasar tani, titik peluh

C Apakah khasiat telur ayam kampung, ayah?

- D** (i) ✗
 (ii) ✓
 (iii) ✓
 (iv) ✗

E (a) Kelab Bahasa Melayu SJKC Puay Chai akan mengadakan lawatan di Ladang Kambing Seri Menanti, Sungai Buloh.

(b) Bayaran yang dikenakan kepada murid yang hendak menyertai lawatan tersebut ialah RM20.

- (c) (i) menawan hati
 (ii) penjelasan

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)



- F** (a) Jenis telur yang digunakan untuk membuat telur asin ialah telur itik.
- (b) Cara hendak memasukkan telur itik ke dalam bekas dengan cara satu per satu.
- (c) Telur ini direndam di dalam air garam selama dua minggu.

 **PENULISAN - BAHAGIAN A**

1. Seorang pegawai pertanian sedang menerangkan maklumat kepada beberapa orang pengunjung.
2. Puan Janet sedang membeli buah-buahan segar yang dijual di ekspo tersebut.
3. Lily dan Mira sedang membaca brosur yang terdapat di Ekspo Pertanian itu.
4. Encik Ariffin sedang melihat anak-anak pokok di salah sebuah gerai.
5. Beberapa orang pengunjung sedang melihat tayangan di skrin besar tentang "Pertanian dan Penternakan".

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

 **PENULISAN - BAHAGIAN C**

1. Beberapa orang pekerja sedang memetik dauh teh.
2. Selepas itu, para pekerja ladang akan mengumpulkan daun-daun teh.
3. Kemudian, daun-daun teh tersebut akan diproses menggunakan mesin khas.
4. Setelah itu, serbuk teh yang telah diproses akan dibungkus ke dalam kotak dan bekas.
5. Akhir sekali, para pekerja akan memasukkan barang ke dalam lori untuk dipasarkan.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

TEMA 8  **Integriti Asas Kejayaan**m.s. 45

 **PEMAHAMAN - BAHAGIAN A**

- A**
1. D
 2. C
 3. D
 4. B
 5. C
 6. B
 7. B
 8. C
 9. A
 10. B

 **PEMAHAMAN - BAHAGIAN B**

A menangis, mengambil, menasihati, meminta

- B**
- (i) ✓
 - (ii) ✓
 - (iii) ✗
 - (iv) ✗
 - (v) ✓

C

- (ii) bengkok-bengkok
- (iii) gunung-ganang
- (iv) riuh-rendah

D

- (i) betul
- (ii) betul
- (iii) salah

- E** (a) ... sungguh-sungguh.
- (b) Dua sifat Amir yang perlu dicontohi oleh orang lain ialah pandai membahagikan masa untuk mengulang kaji pelajaran dan gigih berusaha sehingga menjadi murid yang cemerlang di sekolahnya.
- (c) Cara lain untuk menjadi murid yang berjaya ialah bertanya kepada guru sekiranya terdapat pelajaran yang tidak difahami. Selain itu, kita boleh belajar secara berkumpulan supaya dapat bertukar-tukar pendapat dengan kawan-kawan.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

 **PENULISAN - BAHAGIAN A**

1. Pengawal keselamatan berdiri pada pintu masuk bank sambil mengawal bank tersebut.
2. Beberapa orang sedang menunggu giliran sambil duduk di atas kerusi yang disediakan.
3. Seorang lelaki mengisi borang di ruang menulis.
4. Seorang kanak-kanak membawa tabung yang berisi wang untuk dimasukkan ke dalam bank.
5. Seorang wanita sedang berurusan dengan kerani bank.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

 **PENULISAN - BAHAGIAN B**

1. ... membantu meringankan beban ibu bapa
2. ... belajar bersungguh-sungguh sehingga memperoleh kejayaan
3. ... mempamerkan tingkah laku dan akhlak yang baik

 **PENULISAN - BAHAGIAN C**

1. Lokman, Diana dan Ramesh sedang berbincang untuk melawat Robert.

2. Lokman, Diana dan Ramesh berada di hospital untuk melawat Robert sambil membawa buah tangan.
3. Robert menceritakan dia dilanggar oleh sebuah motosikal ketika hendak melintas jalan.
4. Robert bersalam-salaman dengan rakannya. Rakannya memberikan nasihat kepada Robert agar lebih berhati-hati pada masa akan datang.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

KERTAS MODELm.s. 53

 **PEMAHAMAN - BAHAGIAN A**

1. C
2. A
3. D
4. C
5. A
6. B
7. A
8. C
9. C
10. D
11. C
12. C
13. D
14. B
15. A
16. B
17. C
18. D
19. A
20. C



 PEMAHAMAN - BAHAGIAN B

21. ke, yang, di, dan, kerana
22. (a) (i) ✓
(ii) ✗
(iii) ✓
(iv) ✗
- (b) pencuci mulut
23. (a) Mengapakah kita perlu memandu dengan berhemah
- (b) Tindakan yang perlu dilakukan oleh murid-murid semasa latihan kebakaran ialah murid-murid haruslah bersedia, gunakan laluan yang telah ditetapkan dan berkumpul di kawasan lapang mengikut arahan.
24. (a) (i) Jalan raya
(ii) Sekolah
- (b) Kampung Berlian terletak berhampiran dengan sungai dan kawasan penanaman getah.

 PENULISAN - BAHAGIAN A

1. Seorang pekerja sedang mengambil pesanan makanan di salah sebuah meja.
2. Seorang wanita sedang menerima bayaran daripada seorang lelaki di kaunter pembayaran.
3. Dua orang wanita sedang makan di meja sambil berbual-bual.
4. Seorang wanita sedang mengambil gambar makanan yang dipesan.
5. Seorang pekerja lelaki sedang menatang dulang makanan untuk diberikan kepada pelanggan.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)

 PENULISAN - BAHAGIAN B

1. ... menyihatkan tubuh badan
2. ... mengawal berat badan
3. ... otak akan menjadi cerdas
4. ... boleh menghilangkan tekanan
5. ... menjamin kesihatan yang berpanjangan dan menjadikan kehidupan kita lebih berkualiti.

 PENULISAN - BAHAGIAN C

Semasa aku sedang berjalan kaki pulang dari kedai, aku ternampak kepulan asap di udara. Kepulan asap-asap itu kelihatan daripada sebuah rumah. Terdapat kebakaran berlaku di rumah tersebut.

Tanpa membuang masa aku terus ke telefon awam untuk menghubungi pihak bomba untuk mendapatkan bantuan. Semasa menunggu pihak bomba tiba, aku menjerit meminta tolong jiran-jiran yang berhampiran. Mereka cuba memadamkan api, namun tidak berjaya kerana api mulai marak.

Tidak lama kemudian, pihak bomba tiba. Mereka berjaya memadamkan kebakaran tersebut. Mujurlah ahli keluarga mangsa tiada di rumah. Oleh yang demikian, tiada kemalangan jiwa. Namun, tuan rumah terpaksa menanggung kerugian dan mereka kehilangan tempat tinggal.

Tuan rumah mengucapkan terima kasih kepadaku kerana bertindak pantas menelefon pihak bomba. Buat sementara waktu, keluarga mangsa ditempatkan di balai raya. Aku berasa gembira dapat membantu mereka.

(Jawapan lain yang bersesuaian diterima)